## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 7 SEPTEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br>13. | PERKENAL BERAS RAHMAH, DALAM NEGERI, UM-34<br>SABAH MAHU MONOPOLI IMPORT BERAS DITAMAT, LOKAL, HM-10<br>SABAH MINTA TAMATKAN MONOPOLI BERAS IMPORT, NASIONAL, BH-3<br>TERENGGANU NEGERI PERTAMA KELUAR BERAS SENDIRI, DALAM NEGERI, UM-29<br>PASTIKAN TIDAK SOROK STOK BERAS, DALAM NEGERI, UM-29<br>POLISI INTERVENSI BANTU AGENSI, BUKAN PETANI, DALAM NEGERI, UM-29<br>KITINGAN SABAH MUST MANAGE ITS OWN RICE IMPORTS, NATION, THE STAR-11<br>STOCK OF WHITE RICE IN SABAH STABLE, NATION, SIN CHEW DAILY-4<br>CHAN: WHITE RICE SUPPLY SUFFICIENT, NATION, CHINA PRESS-A3<br>LOCAL WHITE RICE MAY BE SNAPPED UP AS SOON AS IT HITS THE SHELVES,<br>NATION, KWONG WAH YIT POH-A8a<br>CHAN FOONG HIN: DO NOT SNAP UP WHITE RICE TO AVOID AGGRAVATING<br>SHORTAGES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A3<br>OPERATORS URGED TO RELEASE MORE LOCAL RICE, NATION, SIN CHEW DAILY-4<br>TAMATKAN MONOPOLI BERAS, SABAH GAZZETTE-ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 14. | CAUGHT SMUGGLING 4,000 TURTLE EGGS, NATION, THE STAR-11 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 15.<br>16.<br>17. | SEKATAN IMPORT LEMBU KERBAU, LOKAL, HM-17<br>ORANG PAHANG SUSAH CARI TELUR AYAM, NEGARA, KOSMO-16<br>JPV TARIK BALIK ARAHAN GANTUNG IMPORT LEMBU DARI AUSTRALIA,<br>NASIONAL, BH-14 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 18.<br>19.<br><br>20.<br><br>21.<br><br>22. | ABO FAMA KUMPUL TRANSAKSI RM12 JUTA SEJAK DIDAFTARKAN, BISNES, HM-27<br>FAMA TO HELP GOVERNMENT MARKET RICE TO ENSURE SUFFICIENT SUPPLY,<br>NATION, SIN CHEW DAILY-4<br>FAMA READY TO ASSIST GOVT MARKET LOCAL RICE, NEWS,GUANG MING DAILY-<br>A4<br>FAMA ORDERED TO WORK WITH FARMERS TO DISTRIBUTE RICE TO AREAS<br>FACING SHORTAGE, NAYIONAL, NANYANG SIANG PAU-A3<br>FAMA TO HELP SELL LOCAL WHITE RICE, NATION, CHINA PRESS-A3 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 23. | PROJEK MADA TERBENGKALAI RUGIKAN 300 PESAWAH, NASIONAL, BH-21 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 24.<br><br>25.<br><br>26.<br><br>27.<br><br>28.<br><br>29.<br>30.<br>31.<br>32. | HANYA 16% TANAH UNTUK PENGELUARAN MAKANAN, MUKA DEPAN & DALAM<br>NEGERI, UM-1&2<br>FARMERS TO GAIN ACCESS TO SATELLITE DATA, AI TECH VIA MIMOS INITIATIVE,<br>SUNBIZ, THE STAR-3<br>KUKUHKAN KERJASAMA ASEAN DALAM PERTANIAN, ATASI KRISIS MAKANAN,<br>DALAM NEGERI, UM-3<br>INISIATIF MIMOS BANTU PETANI TINGKAT HASIL TANAMAN SENDIRI, EKONOMI,<br>UM-38<br>TAKE PROPER MEASURES IN RESPONSE TO RICE PRICE INCREASE, NATION, SIN<br>CHEW DAILY-20<br>NO PLANS TO BAN IMPORTS OF JAPAN`S SEAFOOD, NATION, CHINA PRESS-A5<br>SEAFOOD SALES UNAFFECTED, NATION, CHINA PRESS-A5<br>ADOPT STRATEGY TO ENSURE FOOD SAFETY, NATION, KWONG WAH YIT POH-A2<br>AZMIN DENIES DEFAMING EGG IMPORTER, NATION, CHINA PRESS-A9 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 34 |

# Perkenal 'Beras Rahmah'

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

**MARAN:** Kerajaan perlu memperkenal subsidi dan Beras Rahmah-Malaysia Madani dalam usaha mengawal harga sumber karbohidrat itu yang kini menjadi igauan buruk rakyat khususnya dalam kalangan golongan kurang berkemampuan.

Keprihatinan Kerajaan Perpaduan ketika ini akan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 melibatkan hampir 500,000 keluarga yang akan mendapat manfaat daripada program sosial itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim), Ismail Awang berkata, anggaran jumlah subsidi diperlukan dalam industri beras negara adalah sekitar RM800 juta setahun.

"Ini perlu difikirkan pelaksanaannya oleh kerajaan dan sebagai contoh pada pada 30 Ogos lalu, Petroliam Nasional Bhd. (Petronas) mencatat keuntungan bersih RM40.2 bilion bagi tempoh separuh pertama 2023.

"Keuntungan diperoleh Petronas itu boleh dikembalikan kepada rakyat menerusi pemberian subsidi beras.

"Hasil Petronas adalah hak rakyat jadi tidak salah ia dikembalikan kepada rakyat. Jumlahnya pun tidak sampai RM1 bilion, sekitar RM800 juta setahun," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan akan mengadakan pertemuan dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas), pegawai-pegawai tinggi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) serta pesawah hari ini bagi membincangkan isu bekalan beras tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihak pengilang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sudah diarah menghantar bekalan di mana-mana lokasi berlaku kekurangan beras.

Ketika ini Malaysia banyak bergantung kepada import makanan khususnya beras yang merupakan makanan ruji rakyat di sebalik hasil pula masih rendah iaitu sekitar 1.7 juta tan metrik beras setahun pada 2021.

Ismail berkata, memperkenal subsidi dan Beras Rahmah adalah langkah terbaik untuk memastikan rakyat masih mampu membeli dan menikmati makanan karbohidrat yang membekalkan sumber tenaga kepada manusia.

Katanya, mengambil kira formula subsidi telur ayam dan ayam segar, ia perlu diperluas dalam industri beras sama ada 'mengambil' separuh jumlah subsidi itu untuk diperuntukkan kepada beras.

"Jika tiada telur atau ayam, rakyat ada pilihan makanan lain. Tapi jika tiada beras yang merupakan makanan utama, rakyat hendak makan apa? Kenapa kerajaan bersusah payah beri subsidi pada ayam dan telur sedangkan beras makanan utama?

"Jadi, langkah terbaik adalah kurangkan 50 peratus subsidi ayam dan telur, beri kepada beras supaya wujud keseimbangan," katanya.

Mengulas hala tuju industri beras negara, beliau berkata, kerajaan perlu mewujudkan badan pengawal khas bagi industri beras negara.

"Sebagai contoh untuk pembersihan awam, di Pahang ini misalnya ia diselia oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Beras pun perlu begitu.

"Kena ada operator utama yang mengawal selia industri beras seperti mana SWCorp, jika ada masalah kerajaan terus mencari operator ini bagi menyelesaikan isu atau masalah yang berlaku," katanya.

## Bekalan beras tempatan pulih dalam sebulan - Mat Sabu

Oleh **KHAIRUL MOHD ALI**

**JOHOR BAHRU:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan beras tempatan akan pulih dalam tempoh sebulan menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan (BPT) yang dijalankan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya telah mengambil beberapa langkah intervensi termasuk meminta pengilang meningkatkan



UTUSAN Malaysia 6 September 2023.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

# Sabah mahu monopoli import beras Bernas ditamat

**Kota Kinabalu:** Sabah mahu monopoli import beras yang ketika ini dipegang Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) ditamatkan supaya negeri ini boleh mengimport sendiri bahan makanan ruji itu.

Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata, import beras seharusnya diurus sendiri negeri ini dengan pendekatan yang lebih rapi berdasarkan landskap sosial dan keunikan geografinya.

"Sudah tiba masanya Sabah bebas daripada kekangan monopoli entiti tunggal yang sudah begitu lama mencorak pasaran tempatan kita.

"Saya percaya perubahan ini dapat merangsang persaingan dan membawa kepada bekalan beras yang lebih stabil dan mungkin harga yang lebih rendah kepada pengguna di negeri ini," katanya pada kenyataan, semalam.

Beliau yang juga Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan negeri berkata demikian mengulas isu peningkatan harga beras import susulan tindakan Bernas menaikkan harga bahan makanan itu.

Katanya, beliau membuat cadangan untuk mengurus sendiri import beras berikutan kebimbangan orang ramai di negeri ini berkaitan jangkaan peningkatan harga beras putih import hingga 36 peratus seperti diumumkan Bernas.

Peningkatan harga itu, katanya bukan saja mengganggu kestabilan perbelanjaan isi rumah, malah boleh menjejaskan kebajikan keluarga berpendapatan rendah.

"Bernas mesti telus dalam mekanisme harga dan tahap bekalan berasnya. Orang ramai berhak untuk mengetahui bagaimana harga ditentukan dan apa pendekatan diambil bagi menstabilkan pasaran," katanya.

Selain itu, Jeffrey berkata, Bernas patut mengeluarkan stok tambahan daripada simpanannya memandangkan ia bukan aset perniagaan semata-mata.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Sabah minta tamatkan monopoli import BERNAS

## Langkah bolehkan kerajaan negeri urus sendiri dengan pendekatan rapi

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Sabah mahu monopoli import beras yang ketika ini dipegang Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) ditamatkan supaya negeri ini boleh mengimport sendiri bahan makanan ruji itu.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, berkata import beras seharusnya diurus sendiri negeri ini dengan pendekatan lebih rapi berdasarkan landskap sosial dan keunikan geografinya.

"Sudah tiba masanya Sabah bebas daripada kekangan monopoli entiti tunggal yang sudah begitu lama mencorak pasaran tempatan kita.

"Saya percaya perubahan ini dapat merangsang persaingan dan membawa kepada bekalan beras yang lebih stabil dan mungkin harga yang lebih rendah kepada pengguna di negeri ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau yang juga Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah berkata, demikian mengulas isu peningkatan harga beras import susulan tindakan BERNAS menaikkan harga bahan makanan itu, baru-baru ini.

Katanya, cadangan mengurus sendiri import beras itu berikutan kebimbangan orang ramai di Sabah mengenai jangkaan peningkatan harga beras putih import sehingga 36 peratus seperti diumumkan BERNAS.



Bekalan beras tempatan pulih dalam tempoh sebulan

Keratan akhbar BH, semalam.

### Berhak tahu penentuan harga

Peningkatan harga itu, katanya, bukan sahaja mengganggu kestabilan perbelanjaan isi rumah, malah boleh menjejaskan kebajikan keluarga berpendapatan rendah.

"BERNAS mesti telus dalam mekanisme harga dan tahap bekalan berasnya. Orang ramai berhak untuk mengetahui bagaimana harga ditentukan dan apa pendekatan diambil bagi menstabilkan pasaran," katanya.

Selain itu, Jeffrey berkata, BERNAS patut mengeluarkan stok tambahan daripada simpanannya memandangkan ia bukan aset perniagaan semata-mata.

Katanya, simpanan beras adalah sumber awam, khususnya ketika peningkatan permintaan atau berlaku ketidakstabilan pasaran seperti sekarang.

"Sudah tentu semua perniagaan mahu menjana untung, tetapi BERNAS mengendalikan bahan keperluan asas, jadi keuntungan tidak boleh datang dengan mengorbankan keperluan asas rakyat," katanya.

Berdasarkan data Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, katanya, import beras di Sabah mencapai 290,000 tan termasuk simpanan pada 2021, manakala pengeluaran beras tempatan hanya 22,000 tan.

Jeffrey berkata, kementeriannya sedang berusaha mengurangkan pergantungan terhadap beras import menerusi pelbagai projek di bawah inisiatif pelan pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) bagi mencapai sasaran meningkatkan tahap sara diri (SSL) pengeluaran padi dan beras di negeri ini kepada 60 peratus pada 2030.

Antara langkah diambil, katanya, dengan mewujudkan semula Lembaga Padi dan Beras Sabah bagi membantu petani meningkatkan pengeluaran padi menerusi pembukaan semula sawah padi terbiar dan menaik taraf sistem pengairan sedia ada.

> Saya percaya perubahan ini dapat merangsang persaingan dan membawa kepada bekalan beras lebih stabil dan mungkin harga yang lebih rendah kepada pengguna di Sabah



*Jeffrey Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Terengganu negeri pertama keluar beras sendiri

Oleh TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Terengganu mengeluarkan beras sendiri dengan jenama Beras Ganu bagi memenuhi permintaan pengguna di negeri ini sejak Julai lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, setakat ini, sebanyak 60 tan metrik beras jenama tersebut berada dalam pasaran di negeri ini pada setiap bulan.

Menurutnya, Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn. Bhd. (TADC) diberi tanggungjawab untuk menguruskan pembungkusan, pengedaran dan mempromosikan Beras Ganu MyGAP.

Katanya, Beras Ganu yang dikeluarkan itu merupakan beras Super Special Tempatan (SST) berkualiti tinggi dari sawah padi tempatan dan mempunyai Sijil Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP).



SEBAHAGIAN Beras Ganu yang dikeluarkan TADC untuk memenuhi pasaran beras di Terengganu.

"Pengeluaran Beras Ganu itu juga akan ditingkatkan 100 tan metrik bagi menampung permintaan yang dijangka meningkat selepas ini berikutan kenaikan harga beras tempatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Selain itu, Azman berkata, TADC akan berusaha dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) untuk mendapatkan tambahan beras berikutan penanaman padi musim pertama sudah berakhir Jun lalu.

Jelasnya, langkah tersebut diambil bagi menampung permintaan beras di negeri ini.

"Musim pertama pengeluaran padi daripada petani tempatan berakhir Jun lalu dan pengeluaran musim kedua dijangka November depan," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, TADC membelanjakan sebanyak RM270,000 untuk pembelian beras daripada beberapa kilang padi di negeri ini untuk proses pembungkusan sebelum dibekalkan kepada pengedar tunggal yang dilantik untuk dipasarkan.

"Beras Ganu dijual harga RM12.90 bagi beg lima kilogram (kg) dan RM25.60 begi 10kg," katanya.

Mengenai hasil pengeluaran padi, Azman berkata, jumlah pengeluaran padi di negeri ini meningkat sebanyak 75,013 tan metrik pada tahun 2021 berbanding hanya 73,068 tan metrik pada 2020.

# Polisi intervensi lapuk bantu agensi, bukan petani

**PETALING JAYA:** Agensi badan berkanun yang ditubuhkan kerajaan pada tahun 1960-an untuk membantu petani tidak lagi relevan apabila kehidupan petani masih di takuk lama.

Bahkan polisi lapuk itu antara punca wujudnya monopoli dan orang tengah dalam struktur pemasaran padi dan turut mengakibatkan kemerosotan hasil padi yang dihadapi negara sejak 2015.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Felo Perunding, Laboratori Kajian Polisi Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad berkata, pada zaman 1960-an, polisi tersebut rasional untuk membantu petani kecil menguruskan pembangunan tanah, pengeluaran serta pemasaran komoditi.

Menurut beliau, bahkan badan tersebut berjaya membawa golongan tersebut yang ketika itu ketinggalan daripada aspek pendidikan, keluar daripada kepompong kemiskinan.

Bagaimanapun, beliau berkata, setelah beberapa dekad polisi intervensi tersebut mula menunjukkan kesan luar jangkaan antaranya, yang diperkasakan bukanlah golongan petani sebaliknya agensi ditubuhkan.

Katanya, agensi tersebut menjadi semakin besar dan memiliki pelbagai anak syarikat, tetapi golongan petani di takuk lama.

"Penumpuan kepada keuntungan agensi dan subsidiari menyebabkan kerjaya dan perusahaan petani terbatas sebagai pengeluar sahaja. Tiada peluang pergerakan kerjaya menegak mahupun mendatar.

"Selain itu, dana awam besar tahun demi tahun perlu diperuntukkan kepada agensi berkenaan untuk membantu pekebun kecil kerana gagal meningkatkan pendapatan mereka walaupun ditadbir sejak lebih separuh abad," katanya.

Menurut Fatimah, rasionalnya polisi intervensi tersebut adalah kerana golongan tersebut tidak mampu berdikari tanpa bantuan kerajaan kerana kekurangan modal dan akses kepada maklumat terbatas justeru keputusan penubuhan agensi sedemikian menepati tuntutan pasaran pada era berkenaan.

"Dalam kes sektor padi dan beras, untuk mengelakkan petani daripada cengkaman orang tengah, kerajaan mewujudkan agensi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk mengambil alih kegiatan pemasaran padi dan beras petani.

"Rasionalnya ialah syarikat besar mampu membantu petani dalam aspek pemasaran, import dan pengagihan beras dengan cekap. Sektor ini juga dilindungi sepenuhnya dengan kawalan harga lantai dan siling, pemusatan agihan baja serta sokongan subsidi input dan tunai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas berhubung laporan *Utusan Malaysia* berkaitan hasil padi negara merosot sehingga lebih 300,000 tan metrik dalam tempoh enam tahun sejak 2015 di seluruh negara, sekali gus menjadi antara faktor kekurangan bekalan beras tempatan semakin sukar untuk mencapai tahap saraan diri.

# Pastikan pengilang tidak sorok stok beras

**PETALING JAYA:** Pihak berkuasa perlu memastikan pengilang tidak menyorok stok beras tempatan di gudang untuk meraih keuntungan berganda.

Sepanjang minggu ini harga beras tempatan di kebanyakan kawasan naik disebabkan kekurangan stok.

Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Dr. Marimuthu Nadason berkata, pemantauan pihak berkuasa harus berterusan untuk memastikan tiada pihak yang menyimpan stok beras di gudang.

"Kerajaan harus memastikan bekalan sentiasa mencukupi di pasaran, jangan tutup mata begitu sahaja.

"Sekiranya tiada jalan lain, kerajaan terpaksa menggunakan subsidi sementara waktu sehingga harga beras kekal stabil di pasaran seluruh negara.

"Pengguna juga diharap tidak panik dengan isu kekurangan beras tempatan," katanya ketika dihubungi.

Marimuthu berkata, kecukupan beras kini hanya 50 peratus justeru ia harus ditingkatkan ke sekurang-kurangnya 65 peratus bagi mengurangkan kebergantungan negara.

Katanya, bagi jangka masa panjang, kerajaan boleh merancang untuk menggunakan tanah-tanah terbiar untuk penanaman padi bagi meningkatkan pengeluaran tempatan.

"Terdapat pihak mendakwa pengilang membuat pembungkusan semula beras tempatan dengan menukar status kepada beras import untuk mengaut keuntungan berlipat ganda disebabkan harga beras import lebih tinggi.

"Isu ini tiada bukti, oleh itu jangan sebarkan maklumat yang tidak dibuktikan," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/9/2023 | THE STAR | NATION | 11 |

# Kitingan: Sabah must manage its own rice imports

**KOTA KINABALU:** Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan wants Sabah to manage its own rice imports following the price hike for imported white rice.

The Deputy Chief Minister said the state's unique geographical and social landscape warranted a more tailored approach to managing the essential commodity.

"The time has come for Sabah to break free from the constraints of a single-entity monopoly that has long shaped our local market," said Kitingan who is also the state Agriculture, Fisheries and Food Industries Minister.

"I believe this change can stimulate competition and lead to a more stable, and perhaps lower, rice prices for consumers in Sabah," he added in a statement yesterday.

Kitingan made the proposal as households across Sabah are concerned after Padiberas Nasional Bhd (Bernas) announced that the price of imported white rice would go up by 36%.

He said such a significant price hike not only disrupted the stability of household budgets but also jeopardised the well-being of low-income families.

"Bernas must be transparent in its pricing mechanisms and stock levels. The public deserves to know how prices are determined and what measures are being taken to stabilise the market," he said, adding that Bernas should also release additional stock from their reserves as these are not just business assets.

"They are a public resource, especially in times of increased demand or market instability such as now. Of course all businesses want to generate profit but Bernas is dealing with an essential staple. Profit must not come at the expense of the basic needs of the people," Kitingan said.

According to the Agriculture and Food Industry Ministry (Mafi), Sabah imported 290,000 tonnes of rice, including reserves, in 2021 but produced only 22,000 tonnes locally. Bernas announced that the price of imported white rice increased by 36% to RM3,200 from RM2,350 per tonne from Sept 1.

| Headline | Stocks of white rice in Sabah stable | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 07 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 139 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,187 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,561 |



# 農糧部：民衆勿恐慌
# 沙白米庫存穩定

（亚庇6日讯）农业及粮食安全部强调，沙巴白米库存依旧稳定，民众不必恐慌。

沙巴稻米与白米监管单位（KPB）总监阿都阿林慕塔占受访时表示，他们一直监督市场的白米供应量，目前尚未收到沙巴白米供应短缺的投诉。

“若有地方出现短缺，我们会补充供应。”

阿都阿林针对社媒流传一则消息，指某商家张贴告示限制消费者购买白米，10公斤白米只限购买2包，5公斤包装只限购买4包，因此声称沙巴白米供应短缺，呼吁民众提前备货。

阿都阿林表示，他目前为止未收到与此事或据称张贴告示的商店有关的任何报告。

“可能是商家目前货存有限而试图控制白米购买量。无论如何，正如我之前所提的，白米目前库存稳定。”

他也说，目前市面上并没有因为进口米起价而出现抢购潮。

他劝请有关人士停止散播假消息，尤其涉及白米供应的谣言，避免引发民众恐慌。




←社媒流传沙巴白米供应短缺的消息，但沙巴稻米与白米监管单位否认此事，强调沙巴白米库存依旧稳定，并呼吁人们不要散布假消息。（网络图）

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan: White rice supply sufficient | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 07 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 168 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,314 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,942 |



## 陳泓縑：入口簽遠期合約

# 白米供應没吃緊



■陈泓缣

（吉隆坡6日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣否认国内白米供应出现吃紧问题，相反的，只是价格受到管制的本地碎米非常抢手，几乎是一上架就被抢空。

艾尔尼诺现象影响全球收成，稻米价格也攀升至新高点课题，他指出，国内有65%稻米是本地生产，另外35%是依靠外国进口，其中我国最大的稻米入口国是越南。

他说，国家稻米公司（BERNAS）负责白米入口，它与稻米入口国已签署远期合约，在这个合约下，入口国不能说不卖就不卖，这也让我国的白米入口获得保障。

### 碎米非常搶手

"我国的白米没有出现供应吃紧，相反的，供应吃紧的是价格受控的本地碎米。"

他日前在接受"BFM财今"访问时坦言，由于我国也受艾尔尼诺现象影响，稻米产量肯定也受影响。价格受到管制的本地碎米确实出现销售快速的情况，即一上架就马上被抢购，但不至于出现白米短缺的问题。

另外，针对华裔不熟悉政府政策一事，包括很少华裔参与受到政府承认的农民组织机构，主因是华裔有一种"先天性不信任体制"的想法，就算是行业性质公会也大多数以族群、血缘作为集合在一起的纽带。

他说，他不会强求向华社推广农民组织机构，相反的，他认为，农业是一门生意，且华社在农业领域贡献巨大，例如菜农菜商皆以华裔为主，而菜农公会等也同样可以申请政府辅导，获得政府援助。

他提到，另一问题是农业老化问题，即华裔年轻人投入程度不足，相对的土著青年会更倾向于投入智能农业，包括花时间了解和应用，甚至也知道如何获得政府的智能农业补贴。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Local white rice may be snapped up as soon as it hits the shelves | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 07 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A8a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 238 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,668 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,004 |



## 陈泓缣：应不会出现吃紧

# 本地白米或上架即被抢购

（吉隆坡6日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣指出，尽管我国本地白米产量亦受厄尔尼诺现象影响，惟他相信国内白米供需方面应不会出现吃紧情况，只是价格受管制的本地白米可能出现上架即被抢购情况。



陈泓缣。



国内白米供需方面应不会出现吃紧情况

他周二接受 BFM 财经 podcast 节目《财经拷问》时说，国内六成半的白米供应是本地生产，其他则是进口，当中最大进口源来自越南。

他表示，国家稻米公司（Bernas）亦签署长期合约以保障双方的合作关系，供应方不能随意终止交易。

他说，政府早前已推出数项措施，以长期改善本地稻米产量，包括宣布稻米价格补贴计划（SSHP）的补贴金，从每公吨360令吉增至500令吉，以激励种植业者增加产量；政府也打算将适耕庄稻米种植模式，应用在被誉为“马来西亚粮仓”的吉打州。

“吉打稻米产量占我国的四成，但吉打每公顷稻田每季能产量为3或4（吨）而已，若以适耕庄做比较，每公顷稻米产量大概达6或7（每公顷/吨），所以我们希望将这套做法带到吉打。”

同时，他表示，政府正通过奖掖援助及补贴的方式，鼓励农民通过技术提高粮食产量，包括小型农户将给予2万令吉奖掖，较大规模的农户则有农业银行（Agrobank）提供低息贷款；提升设备以增加农业产能的农户，政府也有推出补贴措施；当局会根据农户的规模提供补贴。

不过，他也说，许多农户反映面临的土地问题，如土地拥有权及使用权等，当中也涉及我国地方政府及州政府部分法令赶不上时代进展，因此他需与州政府进行更多沟通，让城市的农耕符合土地使用权的问题。

有关华社不了解政府农业政策一事，他说，华社在农业方面贡献巨大，若要改善他们的社会经济条件，高科技及智能农业的补助及引导是非常重要的，让他们知道能够通过那些渠道获得补贴。

“有华裔农民埋怨说，他们不懂政府给予的农业补助措施，然而这些资讯是能在农粮部的官方脸书得知，而很少华人会要阅读以国语为媒介语的资讯，因此，我认为若要处理此事，我们需要通过更多的巡回讲座，以宣传相关措施。”#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan Foong Hin: Do not snap up white rice to avoid aggravating shortages | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 07 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 606 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,623 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,869 |



## 陈泓缣：本地货价格不变

# 勿抢购白米免加剧短缺

（莎阿南6日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣强调，根据该部目前的政策，本地白米价维持不变，国人切勿抢购，以免加剧货源短缺问题。

他坦言，稻米确实歉收，而这是全球性问题，当中，印度和越南也不得不采取减少出口的措施。

"我国是采取双轨制的，即有进口，本地也有生产白米，为此，前者调涨价格后，后者因属于统制品，难免会有一些人转而购买本地白米，导致本地白米供应量吃紧。"

他今日为2023年亚洲家禽博览会主持开幕仪式后，针对媒体询及国人投诉本地白米货源短缺一事，作出上述回应。

陈泓缣指出，本地白米供应减少，可能是因为一上架就卖完，而且购买者多为小贩或饮食业者。

"近来报章、社交媒体、舆论平台等热衷讨论进口白米涨价课题，相信也起到一定的推波助澜作用，造成部分人或买多一点来囤积。"

他表示本身最近也实地视察，在班底达南一区发现3间小店里，确实有1家没有本地白米供应，其余则有，换言之，人们还是可以买到所需的本地白米。

他强调，本地白米价格维持不变，即1公斤2令吉60仙，希望国人勿恐慌囤货，以致加剧白米短缺问题。

"农业部正采取干预措施解决问题，希望可在1个月内改善本地白米供应不足现象，我希望国人配合精明消费，避免一窝蜂冲去抢购。"

针对米厂遭指责囤积白米而引发本地白米短缺现象，陈泓缣仅回应说，农业部长将于明天上午10时，在沙登召集稻米界利益相关业者出席会议，探讨白米供应的事宜，以寻求有效的解决方案。

**2023年亚洲家禽博览会**




嘉宾为博览会主持开幕剪彩，左起希山、海伦米提、莫哈末海尔、陈泓缘、丹海、郑亚吉及傅宽沅。

## 鸡蛋鸡肉产量恢复逾100%

针对吉兰丹州鸡蛋短缺，陈泓缣指出，国内鸡蛋和鸡肉供应早已恢复超过100%的产量，相信丹州的情况仍是外在因素引发，比如运输问题。

他说，倘若不是产量引发，农业部比较难着手处理，但国内贸易及生活成本部已对此事展开调查了。

"根据我了解，东海岸没有大型农场，或是导致鸡蛋货源短缺的原因，因为他们需要从西海岸农场运输鸡蛋过去。"

他也指出，实际上，国内鸡肉和鸡蛋早已达至满足本地市场需求及出口所需水平了。

"我也不了解吉兰丹鸡蛋短缺是怎么发生的，比如一个月找不到鸡蛋供应，是否属于各个大型商场的现象，还是只有小商店发生而已。"

他说，农业部旗下联邦农业展销局（FAMA）和农民组织机构（LPP）都设有农民市场和小型商店，以便协助促销当地商品，不过，吉兰丹或因没有大型农场，才导致一些家庭式农场供应的鸡蛋上架后，很快就售罄了。

活动出席者包括大马兽医局助理总监希山、大马兽医协会（MAVMA）主席海伦米提、世界家禽科学协会（WPSA）莫哈末海尔、缅甸畜牧联合会顾问丹海、大马动物保健商总会郑亚吉、主办方筹委会主席傅宽沅。

## 猪肉价料渐回稳

陈泓缣表示，国内猪肉供应正逐步恢复，预计价格也将渐渐回稳。

他将在9月中之后，拜访受非洲猪瘟影响较大的猪只生产州属，协商解决养猪业的土地问题。

他直言，国内猪肉供应已回稳，只是猪肉价格在局部地区开始下滑，惟有关趋势尚未发生在半岛。

"沙巴猪肉价格已下滑3令吉，即从1公斤21.50令吉下滑至1公斤18.50令吉，至于半岛未降价，主要是沙巴比半岛更早一年发生非洲猪瘟，所以属于时间顺序问题，最重要是不要再受到病毒干扰影响产量。"

他以中国为例，该国甚至用2年时间来消化，毕竟非洲猪瘟导致一大批的猪只死亡，如今要重新饲养以满足市场的产量，仍需要一段的时间进行。

"马六甲养猪业因州政府未批准恢复生产，对此，我们需时与州政府沟通，因为仍涉及土地使用权所致。"

### 鼓励封闭式饲养

他说，政府非常鼓励农友进行封闭式饲养计划，以达至更好的生物安全、卫生，以及保障食物安全等目标。

"过去2年的猪瘟问题就给国内猪业造成严重影响，毕竟开放式饲养导致暴露传染疾病的风险较高，不少州政府也开始通过法令规范养猪业，比如槟城几年前已开始，如今则轮到霹雳州。"

针对猪农面对土地问题而不敢贸贸然投资，陈泓缣表示，一些州政府确实没有提供永久营业地契，导致猪农不敢放胆展开现代化饲养模式。

"养猪业的土地问题属于州政府管辖权，为此，我将会晤各别州属掌管农业事务的行政议员，抑或发放执照的地方政府官员等，以期能够解决此困扰已久的老问题。"

他希望有更多与农业相关的展销会可在国内举办，为农友提供现代化农场的资讯，好让他们为转型做好准备，从而可长期解决农场遭受疾病干扰问题，达至粮食供应稳定，安全及保障的目标。

Powered by: isentia

| Headline | Operators urged to release more local rice | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 07 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 531 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,994 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 47,982 |







陈泓缣（中）为展销会主持开幕后与众人合摄。左一起希山、海伦和莫哈末海尔；右一起傅寛沅、郑亚吉和丹拉。（谢仲洋摄）

## 陳泓縑：特別計劃增產20%

# 要業者釋更多本地米

（沙亚南6日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣认为，他不排除当前因有厂商囤积本地米的情况，所以农业部才迫使业者需释出更多的本地米面市以应付民众需求，不至于一整年都严重缺乏本地米。

他是补充农业部长拿督斯里莫哈末沙布昨日说明，部门通过本地米特别计划增加20%白米产量，作为稳定本地米供应的短期方案。

### 别抢购本地米囤货

他认为，本地米的供应短缺是季节性问题，不至于全年都买不到本地米，所以促请民众精明消费，不要疯狂抢购本地米囤货，一同渡过这波难关。

“我在一些便利店还是有看到货架上的本地白米，只是当大家在讨论进口白米涨价课题时，人们会习惯性多买几包较便宜的本地米囤在家，当中以从事饮食业的小贩居多。目前市场没出现疯狂抢购现象，不过通常本地米一上架不久就会卖完。”

陈泓缣今日在雪州实达城会展中心，为2023年亚洲禽畜业展销会主持开幕后受访时强调，就算近来进口白米涨价，但政府对本地米的统制价仍维持在每公斤2令吉60仙。

### 今召集稻米相关者对话

对于巫裔米较厂商公会指控有大型米较厂囤积本地米，企图操控白米价格一事；他回应，部门召集所有稻米业生产者与利益相关者，出席明日上午10时在马来西亚农业与发展研究院（MARDI）沙登总部召开的2024年度财政预算案咨询会议，探讨整个行业面对的问题与挑战等。

他说，这项会议由部长莫哈末沙布主持，他亦会出席，出席代表包括米较厂商公会及国家稻米公司领导等。

展销会出席嘉宾有马来西亚动物保健商总会会长拿督郑亚吉、缅甸禽畜业联合会顾问丹拉、世界禽畜学协会大马分会主席拿督莫哈末海尔、大马兽医协会主席海伦米汀、兽医局助理总监希山及主办单位Jederns国际公司董事傅寛沅等。

## 物流因素或致丹缺雞蛋

陈泓缣指出，丹州近来出现鸡蛋供应短缺问题，内贸部已展开调查。据他了解，由于大型养鸡场都集中在西海岸，很可能物流运输至东海岸的因素，造成局部地区出现鸡蛋短缺。

“所谓一个月找不到鸡蛋的事情未必准确，可能是鸡蛋一上架就卖断市，但不是完全没货。”

他坦言，物流供应是商家的问题，但农业部亦感到难为，因为明明是有供应的，却因其他因素造成供应迟缓或受阻等，所以部门需寻策介入协助。

陈泓缣强调，近来国内的鸡肉和鸡蛋供应都回稳了，产量恢复到100%以上，并放眼在2030年国家农粮政策（NAFP）目标下，两者的产量要达到140%以上。

该政策规划要在2030年实现的关键8大农粮食品自给自足率，分别是大米80%、水果83%、蔬菜79%、鱼肉98%、牛肉50%、禽畜肉类140%、鸡蛋123%及鲜奶100%。

## 沙豬肉近期已跌價

也是亚庇国会议员的陈泓缣指出，沙巴的猪肉价格近期已开始下跌，当地生猪价从每公斤21令吉50仙回落至18令吉50仙，跌幅为3令吉；但猪肉跌价还没来到半岛，是因沙巴养猪场比半岛早一年感染上非洲猪瘟疫情，所以在生产供应方面会较快回稳。

他举例，同样深受非洲猪瘟打击的马六甲州养猪场，基于甲州政府还没亮绿灯允许恢复养猪，所以无法供应猪肉；农业部将就此和甲州政府多些沟通及协调。

他认为，国内猪肉产量其实已渐趋稳，只要养猪业没再受到疾病侵袭，国内猪肉[illegible]

## 月中後與各州商規劃養豬業

对于各地猪农申诉因州政府的土地问题，不敢花大钱为养猪场进行改造提升成封闭式养猪场，陈泓缣回应，他会在9月16日的中国东盟博览会后，到受非洲猪瘟影响的产猪州，拜会各州大臣或首席部长及负责农业与地方政府事务的行政议员，讨论规划养猪业的问题。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/9/2023 | SABAH GAZETTE | ONLINE | |

# Tamatkan monopoli BERNAS, biar Sabah urus sendiri import beras

KOTA KINABALU: Sabah mahu monopoli import beras yang ketika ini dipegang Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) ditamatkan supaya negeri ini boleh mengimport sendiri bahan makanan ruji itu.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, berkata import beras seharusnya diurus sendiri negeri ini dengan pendekatan lebih rapi berdasarkan landskap sosial dan keunikan geografinya.

"Sudah tiba masanya Sabah bebas daripada kekangan monopoli entiti tunggal yang sudah begitu lama mencorak pasaran tempatan kita.

"Saya percaya perubahan ini dapat merangsang persaingan dan membawa kepada bekalan beras yang lebih stabil dan mungkin harga yang lebih rendah kepada pengguna di negeri ini," katanya dalam satu kenyataan, pada Rabu.

Beliau yang juga Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah berkata demikian mengulas isu peningkatan harga beras import susulan tindakan BERNAS menaikkan harga bahan makanan itu, baru-baru ini.

Katanya, cadangan mengurus sendiri import beras itu berikutan kebimbangan orang ramai di Sabah mengenai jangkaan peningkatan harga beras putih import sehingga 36 peratus seperti diumumkan BERNAS.

Peningkatan harga itu, katanya, bukan saja mengganggu kestabilan perbelanjaan isi rumah, malah boleh menjejaskan kebajikan keluarga berpendapatan rendah.

"BERNAS mesti telus dalam mekanisme harga dan tahap bekalan berasnya. Orang ramai berhak untuk mengetahui bagaimana harga ditentukan dan apa pendekatan diambil bagi menstabilkan pasaran," katanya.

Selain itu, Jeffrey berkata BERNAS patut mengeluarkan stok tambahan daripada simpanannya memandangkan ia bukan aset perniagaan semata-mata.

Katanya, simpanan beras adalah sumber awam, khususnya ketika peningkatan permintaan atau berlaku ketidakstabilan pasaran seperti sekarang.

"Sudah tentu semua perniagaan mahu menjana untung, tetapi BERNAS mengendalikan bahan keperluan asas...jadi keuntungan tidak boleh datang dengan mengorbankan keperluan asas rakyat," katanya.

Berdasarkan data Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, katanya, import beras di Sabah mencapai 290,000 tan termasuk simpanan pada 2021, manakala pengeluaran beras tempatan hanya berjumlah 22,000 tan.

Jeffrey berkata, kementeriannya sedang berusaha mengurangkan pergantungan terhadap beras import menerusi pelbagai projek di bawah inisiatif pelan pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) bagi mencapai sasaran meningkatkan tahap sara diri (SSL) pengeluaran padi dan beras di negeri ini kepada 60 peratus pada 2030.

Antara langkah diambil, katanya, dengan mewujudkan semula Lembaga Padi dan Beras Sabah bagi membantu petani meningkatkan pengeluaran padi menerusi pembukaan semula sawah padi terbiar dan menaik taraf sistem pengairan sedia ada.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/9/2023 | THE STAR | NATION | 11 |

# Caught smuggling 4,000 turtle eggs

## Court sentences foreigner to 12 months' jail and RM100,000 fine

By DURIE RAINER FONG
newsdesk@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** A foreigner was jailed for 12 months and slapped with a RM100,000 fine after being found guilty of trying to smuggle over 4,000 turtle eggs into the country through Sandakan last month.

Sandakan Sessions Court Judge Noor Hafizah Mohd Salim meted out the sentence on Abdul Nasir Razak, 57, an IMM13 document holder, on Tuesday.

He was charged under Section 41(1) of the Wildlife Conservation Enactment 1997, which carries a fine of between RM50,000 and RM250,000 and a jail term of between a year and five years, or both, on conviction.

The accused will get another 12 months behind bars if he fails to settle the fine.

Abdul Nasir will serve his jail sentence starting Aug 21, the date of his arrest.

The court also ordered that the accused be referred to the Immigration Department for further action upon the completion of his sentence.

According to the facts of the case, two marine police vessels spotted a boat in open sea while scouring the Bagang Sea in the east coast Sandakan district under *Ops Taring Gelora* at 9.45pm on Aug 21.

The police approached the boat, which was headed to Sandakan, and told the skipper to stop, but the latter ignored the orders and fled.

The authorities, however, managed to intercept the boat soon after.

Following an inspection, they found the accused on board with 14 plastic bags containing 4,200 turtle eggs.

It is believed the accused was attempting to smuggle the eggs into Sandakan from the Philippines.

Deputy Public Prosecutor Lim Sze Chuen appeared for the prosecution while the accused was unrepresented.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Sekatan import lembu, kerbau Australia ditarik balik serta-merta

**Putrajaya:** Arahan penggantungan import ternakan hidup lembu dan kerbau dari Australia susulan penyebaran jangkitan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) ditarik balik berkuat kuasa serta-merta.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam kenyataannya semalam berkata, keputusan itu adalah hasil daripada perkongsian laporan penuh siasatan oleh Department of Agriculture, Fisheries and Forestry (DAFF), Australia selepas mengadakan dua sesi perbincangan teknikal bersama DVS.

"DVS menghargai keterbukaan DAFF membantu proses penyelesaian isu ini," kata DVS yang turut berharap keputusan menarik semula sekatan import itu memberi kelegaan kepada industri dan rakyat Malaysia.

Malaysia mengenakan tindakan menggantung sementara pada 4 Ogos lalu sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya dakwaan pihak berkuasa Indonesia mengenai penemuan tanda-tanda jangkitan LSD pada lembu yang diimport dari Australia adalah benar, memandangkan Malaysia turut mengimport lembu dan kerbau dari negara berkenaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/9/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Kekurangan bahan makanan itu telah berlaku sejak seminggu lalu

# Orang Pahang susah cari telur ayam

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

**TEMERLOH** – Kekurangan bekalan telur ayam di beberapa kawasan di negeri ini telah menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna dan peniaga.

Ia ekoran, telur merupakan antara bahan penting bagi peniaga untuk penyediaan makanan dan juga menjadi bahan asas makanan isi rumah.

Berdasarkan tinjauan di beberapa lokasi di Jerantut, Mentakab, Bentong dan Rompin mendapati, masalah kekurangan telur berlaku sejak minggu lalu.

Difahamkan meskipun bekalan mula dihantar, namun ia masih belum mencukupi menyebabkan pengguna terpaksa menyediakan makanan tanpa telur.

